



AGENSİ PENGUATKUASAAN MARİTİM MALAYSİA
ZON MARİTİM TAWAU
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BATU 2, JALAN SIN ONN,
PETI SURAT 62519
91025 TAWAU



Tel : 089-752115
Faks : 089-752116
Web : www.mmea.gov.my

Ruj kami : APMM.DM18.100-2/1/1 ()
Tarikh : 30 Oktober 2018

Siaran Media

MARİTİM MALAYSİA TAWAU MENAHAN SEBUAH BOT NELAYAN TEMPATAN MELANGGAR SYARAT SAH LESEN

TAWAU, 30 Oktober - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Zon Maritim Tawau berjaya menahan sebuah bot nelayan tempatan yang disyaki melanggar undang-undang, hari ini.

Timbalan Pengarah Zon (Operasi), Komander Maritim Mohd Yusri bin Hussin berkata, penahanan ke atas bot nelayan terbabit telah dibuat sekitar jam 6.30 pagi tadi berhampiran pantai sungai Pukol, Tawau oleh krew bot ronda Maritim Malaysia. Bot nelayan tempatan tersebut dipercayai sedang menjalankan aktiviti menangkap ikan berhampiran pantai dengan jarak lebih kurang 1.0 batu nautika dan kedalaman 6.7 meter.

"Pemeriksaan awal mendapati terdapat seorang juragan lelaki bersama dua orang awak-awak berumur sekitar 21 hingga 45 tahun. Kesemua yang diperiksa merupakan warganegara Indonesia mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah. Pemeriksaan lanjutnya mendapati bot terbabit memiliki lebih kurang 20 kilogram ikan pelbagai jenis dianggarkan bernilai RM100.

Juragan dan kesemua awak- awak ditahan dan dibawa ke Jeti Maritim Malaysia untuk siasatan lanjut di bawah seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 kerana didapati melanggar syarat sah lesen iaitu menunda di luar kawasan zon yang dibenarkan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Maritim Malaysia akan terus meningkatkan tugas penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang di Zon Maritim Malaysia khususnya Perairan Timur Sabah (ESSZONE).

Sebarang maklumat berkaitan pencabulan undang-undang serta kejadian kecemasan di laut boleh dilaporkan dengan menghubungi terus di talian MERS 999 atau di talian 089-752115 Pusat Operasi Zon Maritim Tawau.

KOMANDER MARITIM MOHD YUSRI BIN HUSSIN
TIMBALAN PENGARAH ZON (OPERASI)

TAMAT

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat ZM
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Tawau

Sebarang penjelasan lanjut sila hubungi :
Lt Madya (M) Mohamad Sobri bin Abu Othman
Zon Maritim Tawau
Pegawai Perhubungan Awam

Tel: 089-750116
Fax: 089-758116